

**PAS: S'pura cabar lagi kedaulatan M'sia**  
**Malaysiakini.com**  
**Jul 26, 2008**

Dewan Pemuda PAS Pusat (DPP) memandang serius tuntutan Singapura untuk mendapatkan hak zon ekonomi eksklusif (ZEE) di perairan Pulau Batu Putih kerana ia sekali lagi akan mencabar hak kedaulatan Malaysia.

salahuddin ayub 01"Kegagalan Malaysia mempertahankan hak kedaulatan ke atas pulau batuan ini, telah digunakan oleh Singapura untuk meluaskan wilayah ekonomi mereka melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ)," kata Ketuanya, Salahuddin Ayub.

Katanya, DPP berpandangan bahawa kebiadapan Singapura itu berpunca dari kelemahan pentadbiran kerajaan yang sering kali mengalah dalam hal-hal yang melibatkan Singapura.

Sikap tersebut, tambahnya, telah membuat republik itu menjadi besar kepala dan meneruskan agenda untuk 'menakluk' negara ini seperti yang dirancang oleh pengasasnya semenjak 1960-an.

"DPP Pusat mengutuk sekeras-kerasnya tuntutan Singapura melalui ICJ ini kerana ia adalah masalah serantau yang boleh diselesaikan melalui meja rundingan. Singapura langsung tidak menghormati ASEAN walaupun baru seminggu menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri Luar Asean.

"Sepatutnya, sebarang pertikaian atau tuntutan kecil ini harus diselesaikan secara 'adik-beradik' kerana Singapura bukan sahaja sama-sama menganggotai ASEAN, bahkan jiran terdekat Malaysia," kata Salahuddin dalam satu kenyataan.

**'Tunjuk sikap jagoan'**

pulau batu putih pulau batu puteh 230508Katanya, republik tersebut tidak wajar mengambil sikap Israel di Timur Tengah kerana semangat ASEAN masih kukuh di rantau ini.

"Membawa tuntutan seperti ini ke peringkat antarabangsa, seolah-olah ingin menunjukkan sikap jagoan Singapura kepada jiran-jiran, sedangkan Singapura sendiri masih bergantung kepada Malaysia dalam banyak perkara," tambahnya.

DPP juga, tegas Salahuddin, melihat bahawa kedudukan Pulau Batu Putih sebagai pulau batuan tidak layak dijadikan asas untuk tuntutan ZEE.

"Pulau batuan ini tidak sesuai didiami manusia, apatah lagi untuk kegiatan ekonomi. Mungkin ia sesuai untuk dijadikan tapak rumah api, tetapi tidak sampai memerlukan ZEE.

"Singapura seharusnya menghormati Malaysia sebagai pemilik asal pulau itu dan hak yang diberikan oleh ICJ ke atas beberapa pulau batuan lain di sekitar Pulau Batu Putih kepada Malaysia.

"Ini bermakna hak ZEE juga dimiliki oleh Malaysia secara bertindan. Maka cara yang paling baik ialah kedua-dua negara harus berunding, bukannya menggunakan saluran mahkamah. Cara yang digunakan ini seolah-olah Malaysia tidak mahu berunding atau enggan bertolak ansur," katanya.

## **'Untungkan S'pura'**

Salahuddin berkata, DPP juga melihat perkembangan negatif itu berlaku kerana kecuaiannya kerajaan dalam mentadbir negara.

"Semenjak 2003, sudah banyak kepentingan negara yang terlepas kepada Singapura ekoran permainan politik lemah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Semenjak isu jualan pasir, pengambilalihan Hospital Pantai oleh syarikat Singapura, pembatalan projek Jambatan Bangkok, hinggalah dasar-dasar pelaburan pro-Singapura di Iskandar Malaysia, semuanya menguntungkan Singapura.

"Kemudian hak milik Singapura ke atas pulau batuan ini disahkan oleh ICJ, dan hari ini mereka menuntut yang lebih daripada itu.

"Sedangkan Kerajaan BN terus mengalah dan menikus kepada Singapura. Jika keadaan ini berterusan, DPP percaya lebih banyak hak kedaulatan negara akan tergadai kepada Singapura, khususnya di Wilayah Iskandar," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/86774>